

UPM lancar kit bijak wang

» Permainan kewangan Islam bantu kanak-kanak urus perbelanjaan

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
bhnews@bh.com.my

► Serdang

Julung kalinya, Universiti Putra Malaysia memperkenalkan Kit Bijak Wang: Anak Bijak Cerdik Duit berkonsepkan kewangan Islam, yang mampu membantu kanak-kanak seawal usia tujuh tahun untuk menabung RM3 daripada perbelanjaan

di sekolah sehari.

Kit berkenaan menggunakan kaedah yang seakan sama seperti permainan monopoli dan mengandungi enam unit asas pendidikan kewangan iaitu matlamat kewangan, keperluan atau kehendak, simpanan, belanja dan bajet serta konsep perbankan Islam.

Inovasi itu memenangi pingat gangsa bagi kategori terbuka pada Ekspo Inovasi Islam kali keempat (i-Inova), Oktober lalu.

Produk komprehensif yang dibangunkan selama 10 bulan oleh dua penyelidik Fakulti Ekologi Manusia, Mohamad Fazli Sabri dan Nurhayatul Nira Ramli itu meliputi perkembangan secara holistik dari segi fizikal, emosi, rohani, intelektual dan

sosial kanak-kanak.

Fazli berkata, kit pendidikan kewangan berkonsepkan Islam itu berbentuk permainan santai dan interaktif, yang sesuai digunakan untuk aktiviti kanak-kanak bersama keluarga, alat bantu mengajar di sekolah dan bahan alternatif pengajaran dan pembelajaran.

Urus kewangan berhemah

“Pendidikan kewangan dilihat antara strategi awal untuk membantu kanak-kanak mengurus sumber kewangan yang terhad secara berhemah dan mengurangkan peningkatan individu diisytihar mufliis.

“Produk ini adalah antara inisiatif untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa dan guru berkaitan amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah. Kanak-kanak juga mampu mengaplikasikan permainan ini dalam kehidupan seharian seperti memperuntukkan sekurang-kurangnya RM3 dalam simpanan sebagai keperluan masa depan,” katanya kepada media, di sini, semalam.

Beliau berkata, ia mampu menerangkan keyakinan pada diri ka-



Nurhayatul Nira (kiri) dan Mohamad Fazli menunjukkan Kit Bijak Wang: Anak Bijak Cerdik Duit di Universiti Putra Malaysia.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

nak-kanak dalam pengurusan kewangan yang diterima, selain lebih matang dalam membuat keputusan berkaitan kewangan serta lebih bertanggungjawab dalam pengurusan wang.

Katanya, beliau berhasrat memperluaskan bidang kepenggunaan kewangan kit itu ke dalam

bahasa Inggeris dan Mandarin, selain mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi membantu pelajar mengurus perbelanjaan di sekolah.

Kit itu bakal berada di pasaran pada Februari tahun depan dan boleh didapati pada harga kira-kira RM100.